

Media: Sinar Harian

Date: 27 Jan 2022

Ajinomoto Co. penaja rasmi Sukan SEA ke-31

SHAH ALAM - Ajinomoto Co. Inc. (Ajinomoto Co.) telah menandatangani persetujuan pada Selasa sebagai penaja rasmi Sukan Asia Tenggara ke-31 (Sukan SEA) yang akan diadakan di Vietnam pada Mei 2022.

Ajinomoto Co. dalam satu kenyataan berkata, syarikat akan memberikan sokongan selaku penaja utama bagi kedudukan tertinggi Sukan SEA.

"Sukan SEA dianjurkan secara dwitahunan bagi membina kerjasama serantau, persefahaman dan perpaduan yang kukuh dalam kalangan masya-

rakat Asia Tenggara. Pada acara tahun ini di Vietnam, Ajinomoto Co. akan menjadi penaja utama bagi kedudukan tertinggi seperti acara yang lalu.

"Sejak 2003, Ajinomoto Co. telah mengusahakan *Victory Project* bagi menyokong situasi atlet berperingkat tinggi di Jepun serta melaksanakan aktiviti sokongan nutrisi dengan memanfaatkan kehebatan asid amino, termasuk menyediakan produk Kumpulan Ajinomoto seperti aminoVITAL dan mempromosikan *Winning Meals Kachimeshi*," jelas kenyataan

itu pada Selasa.

Menurut kenyataan itu, sejak 2008 enam anak syarikat Kumpulan Ajinomoto di rantau ASEAN telah mengikuti *ASEAN Victory Project* bersama persatuan sukan, para atlet dan sekolah sukan di negara masing-masing.

"Ajinomoto Co. akan terus memberikan sokongan kepada sukan dan menggunakan ilmu serta kehebatan asid amino untuk menyumbang kepada isu berkaitan makanan serta kesihatan manusia di setiap negara," kata kenyataan itu.

Rangkaian produk Ajinomoto.

